



Noor Aziah Pesuruhjaya Kanak-Kanak

Putrajaya: Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, dilantik sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak bagi sesi 2019 hingga 2022.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan, semalam, berkata Yang di-Pertuan Agong memperkenan pelantikan Noor Aziah mengikut subseksyen 5(2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597].

“Pelantikan ini ialah antara langkah pembaharuan diambil kerajaan dalam melindungi hak kanak-kanak. Ia berkuat kuasa mulai 27 April 2019,” katanya.